

Peranan Pengusaha Dalam Pembangunan Warisan Tenunan Pahang DiRaja

The Entrepreneurs' Roles in the Development of the Royal Pahang Weaving Heritage

¹Salasatul Akma Amirruddin

¹Habibah Binti Ahmad

¹Hamzah Jusoh

²Mushrifah Idris

¹Ruhaiza Abu Bakar

¹Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Pusat Penyelidikan Tasik Chini, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Salasatul Akma Binti Amirruddin (email: ciek_ma@yahoo.com)

ABSTRAK

Negeri Pahang tidak asing lagi memiliki budaya warisannya yang asli dan tersendiri. Tenunan merupakan salah satu tradisi yang bukan sahaja mempunyai nilai-nilai yang tinggi tetapi juga menyumbang kepada industri pelancongan negeri dan negara. Walau bagaimanapun, ketika ini, tradisi ini berdepan dengan keterancamannya kepupusan kesan daripada beberapa faktor kritikal pengusaha dan persekitaran sosio-budaya. Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan komuniti dalam membangunkan produk warisan tenunan Pahang DiRaja daripada perspektif pengusaha. Kajian ini tertumpu di sekitar Kampung Budaya Pulau Keladi, Institut Kemahiran Tenun Pahang DiRaja (IKTPD), Pramu Jaya Pekan, Pusat Tenun Pahang DiRaja Felda (PTPDF), Kompleks Pengembangan Tenunan Pahang DiRaja (KPTPD) Sultan Haji Ahmad Shah Kampung Sungai Soi, Kuantan. Hasil kajian menjelaskan pola keterlibatan komuniti selaku penggerak warisan tenunan Pahang terdiri daripada dua iaitu pengusaha dan juga pekerja. Terdapat tujuh faktor kelestarian pihak pengusaha iaitu faktor produk (Product), faktor harga (Price), faktor lokasi (Place), faktor promosi (Promotion), faktor aktiviti khidmat pelanggan (Physical evidence of customer Service), faktor proses (Process), faktor sumber manusia (People). Kesemua faktor ini berperanan besar dan saling memerlukan dalam membangunkan produk warisan ini di samping mengekalkan dan menjaga kelestarian warisan tenunan.

Katakunci: Pembangunan Warisan Tenun Pahang Diraja, Faktor Kelestarian, Pola Keterlibatan.

ABSTRACT

The state of Pahang has long been known for its originality and distinctive cultural heritage. Weaving is one of the traditions that not only possesses high values but also contributes to the state's and national tourism industry. However, currently, this tradition is seen to be facing extinction and vulnerability due to the entrepreneurs' critical factors and socio-cultural environment. This paper aims to identify the role of the entrepreneurs in developing the Royal Pahang Weaving products. This study focused on Kampung Budaya Pulau Keladi, Institut Kemahiran Tenun Pahang DiRaja (IKTPD), Pramu Jaya Pekan,

Pusat Tenun Pahang DiRaja Felda (PTPDF), Kompleks Pengembangan Tenunan Pahang DiRaja (KPTPD) Sultan Haji Ahmad Shah Kampung Sungai Soi, Kuantan. The study explores the entrepreneurs' involvement as the key drivers of Pahang heritage weaving. There are seven factors of sustainability from the entrepreneurs perspectives: product, the price, place, promotion, the physical evidence of customer service, process and the people. All these factors played a major role in weaving development and their importance seems to be inter-dependence in ensuring the sustainability of the weaving heritage.

Katakunci: Keywords: Royal Pahang Weaving Heritage Development, Sustainability Factors, Involvement Patterns.

1. Pengenalan

Pelancongan di Malaysia adalah merupakan satu industri yang semakin kian melonjak ke hadapan, seiring dalam memenuhi kehendak pengguna mahupun pelancong. Seperti yang termaktub dalam Rancangan Malaysia yang pertama (1966) sehinggalah ke Rancangan Malaysia ke 11 (2016-2020) dengan tema “Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat”, penambahbaikan pelancongan dalam pelbagai sektor, produk dan penyediaan perkhidmatan menarik pelancong antarabangsa mahupun pelancong domestik sentiasa diberikan tumpuan.

Dalam agenda Rancangan Malaysia yang ke 10 (2011), kerajaan telah memfokuskan hala tuju pembangunan pelancongan negeri berasaskan Sembilan teras iaitu eko-pelancongan, pelancongan warisan, pelancongan inap desa, pelancongan pantai dan pulau, pelancongan sukan dan beberapa aspek pelancongan yang lain. Malah kerajaan turut memberi penekanan kepada peningkatan kualiti latihan dan pembangunan sumber manusia dalam memastikan mereka yang terlibat memainkan peranan dalam industri ini agar memberi perkhidmatan yang berkualiti. Sementara itu, agenda Rancangan Malaysia ke 11 (2016-2020) lebih menekankan pemuliharaan dan pengkalan tempat bersejarah, peruntukan dan menaik taraf infrastruktur berkaitan pelancongan dan peningkatan kualiti produk pelancongan. Sementara itu, negeri Pahang tidak asing lagi memiliki budyaya warisannya yang asli dan tersendiri yang tidak dapat disangkalkan.

Warisan budaya di Malaysia terdiri daipada pelbagai bentuknya, falsafah, lambang budaya. Kemudian, secara khususnya mewujudkan keunikan yang dimiliki oleh negara. Justeru keunikan budaya ini perlu dipulihara untuk kepentingan generasi akan datang, manakala dalam kajian ini komuniti dan golongan generasi muda perlu menghargai keunikan yang telah diwarisi zaman berzaman. Peranan dan tanggungjawab dalam memelihara dan memulihara budaya amatlah penting kerana budaya merupakan identiti sesebuah negara bangsa.

2. Tinjauan literatur

Pelancongan, Budaya dan Warisan

Budaya sebuah komuniti merupakan salah satu aset penting yang boleh menarik kedatangan pelancong. Oleh yang demikian, aspek budaya dan aktiviti pelancongan sememangnya sukar

untuk dipisahkan. Ini kerana, kedua-dua elemen ini saling bertimbal balik. Menurut Greenwood (1972) dan Smith (1989) perdebatan pelancongan dalam antropologi dan sosiologi berkisar pada impak perubahan sosial dan budaya yang membentuk yang telah membentuk satu konsep penting, komodifikasi budaya. Konsep ini melihat bagaimana objek dan aktiviti atau budaya tempatan dinilai berasaskan perubahan nilai masyarakat (Gewertz, 1991: Stymeist).

MacCannel (1973) telah menyatakan bahawa para pelancong menganggap aktiviti pelancongan sebagai suatu pengalaman budaya yang ingin mereka terokai. Tujuan melancong selain menikmati pemandangan serta keadaan alam semula jadi di sesuatu kawasan malahan menjadi alasan utama ialah melihat serta menikmati sesuatu budaya yang berbeza dengan budaya mereka. Oleh itu, faktor budaya memainkan peranan penting dalam menjana aktiviti pelancongan.

Menurut pandangan ahli sosiologi, budaya ialah keseluruhan yang kompleks merangkumi pengetahuan, undang-undang, kepercayaan, sikap, moral dan adat istiadat, dan tingkah laku atau kemahiran lain yang biasanya dipelajari oleh manusia sebagai seorang anggota dalam masyarakat. Budaya berbentuk simbolik boleh berubah dan dicipta, ia boleh diguna, dimanipulasikan, dibuang, diselaraskan dan disesuaikan (Wood, 1980). Jelas bahawa, pelancongan boleh menjadi unsur yang mengancam dan memusnahkan atau menyusun dan menguatkan semula budaya.

Umumnya, pelancongan budaya merupakan perjalanan untuk melihat dan mengalami keadaan budaya di sesuatu tempat yang menjadi tarikan mendorong pelancong untuk merasai sendiri scenario tersebut. Manakala, menurut *World Tourism Organization*, pelancongan budaya merujuk perjalanan untuk membiasakan seseorang itu dengan budaya yang ada di suatu kawasan dan ciptaannya (Robbinson dan Boniface 1993).

Kaitan antara pelancongan, budaya dan komuniti ditinjau daripada dua sudut, iaitu budaya sebagai aset yang menjadi katalis kepada perkembangan aktiviti ini juga aktiviti pelancongan itu. Pelancongan budaya digunakan pada dua aras pengertian, iaitu secara umum dan secara khusus. Pada paras umum, pelancongan budaya merujuk satu istilah besar, meliputi apa saja perkara buatan manusia yang berada dalam sektor pelancongan. Selain alam semula jadi, hampir kesemua perkara dalam pelancongan berada di bawah pelancongan budaya,. Ini kerana istilah budaya itu membawa pengertian yang luas dan serba mencukupi. Pada paras ini, McKercher dan Cros (2002 : 6) menjelaskan:

...cultural tourism has become an umbrella term for a wide range of related activities including historical tourism, ethnic tourism, arts tourism, museum tourism and others.

Pasaran bagi pelancongan budaya semakin berkembang. Ini terbukti apabila faktor budaya, warisan dan aktiviti kesenian dicatatkan sebagai lima sebab utama yang menarik pelancong. Pelancongan warisan ini bersifat kebudayaan tradisional dan artifak-artifak. Daridapa pengelasan ini jelas bahawa keunikan yang terdapat pada pelancongan budaya juga membentuk ciri warisan yang perlu dibanggakan, malah memerlukan usaha melindunginya agar tidak ditelan arus komodenan.

Tenun dan keterlibatan

Tenun dapat didefinisikan sebagai suatu teknik dalam pembuatan kain yang dibuat dengan prinsip yang sederhana, iaitu dengan menggabungkan benang secara memanjang dan melintang.

Melalui kajian kegiatan perusahaan dalam kalangan masyarakat Melayu di Terengganu 1800-1941, Norazilawati dan Araba'iyah (2013), menyatakan bahawa apabila dirungkai kembali sejarah peralihan ekonomi dari satu kegiatan kepada satu kegiatan yang lain, peralihan tersebut dikaitkan daripada bentuk ekonomi subsisten kepada ekonomi yang berbentuk bahan galian, perikanan dan pertanian. Dalam sifatnya sebagai komuniti petani dan nelayan, terdapat sebilangan daripada anggota masyarakat yang terlibat dengan pelbagai jenis kegiatan lain yang dapat diistilahkan sebagai perusahaan. Sebagai contoh pada 1936, kawasan perkampungan nelayan yang kebanyakannya didiami oleh masyarakat Melayu mula mengetahui teknik-teknik pengeluaran tekstil yang lebih baik dan mereka mula mencari kawasan-kawasan penting untuk dijadikan sebagai pusat untuk menjual hasil-hasil tekstil.

Peralihan ekonomi inilah akhirnya membawa satu bentuk kegiatan perusahaan dalam kalangan masyarakat Melayu kerana pengusaha, peniaga dan juga pedagang mempunyai hala tuju yang sama sehingga mereka mampu menggabungkan sifat-sifat manusia yang mempunyai fokus kepada kemajuan untuk mengeluarkan sumber yang mampu membawa keuntungan sehingga mereka turut digelar sebagai usahawan. Ciri-ciri usahawan yang terdapat kalangan masyarakat Melayu yang akhirnya berjaya membentuk mereka ke arah satu bidang baru iaitu bidang ekonomi yang berbentuk perusahaan.

Manakala, menurut Buang (2001), Sulawesi terkenal dengan keberanian, kekuatan mereka, dan kaya dengan adat, warisan dan ekonomi. Dalam usaha mereka di sepanjang pantai dan Laut China Selatan, mereka akhirnya sampai ke Pahang Darul Makmur yang pada masa itu telah dikenali sebagai Inderapura. Penghijrahan Celebes rakyat Pahang telah sedikit mempengaruhi seni penduduk tempatan dan amalan budaya. Salah satu daripada amalan budaya yang disemai kepada penduduk tempatan adalah elemen dalam reka bentuk kain sarung lelaki dan Kajang Sangga wanita. Fabrik ini ditunen dibuat daripada benang sutera asli. **Tenun Pahang Diraja** adalah kraftangan yang paling awal ditemui di Pahang. Seni ini dikatakan dibawa masuk ke Pahang pada abad ke-16.

Sementara itu, menurut kajian Mas Ayu & Fadilah (2012), pembangunan produk bermula untuk industri desa pada abad ke-17. Secara umumnya, orang Melayu sentiasa dipengaruhi oleh alam semula jadi dan kepercayaan. Keindahan dan keunikan Tenun Pahang Diraja adalah sebab-sebab mengapa pemerhatian dalam industri tenunan ini masih wujud hingga kini. Keupayaan dalam menghasilkan tenunan ini dengan nilai yang tinggi merupakan simbolisme yang telah meletakkan ia setanding dengan kain tenunan lain. Berbanding dengan songket dan batik, menyusuri terutamanya Tenun Pahang Diraja jarang menarik tarikan. Tetapi, kehadirannya juga meninggalkan ketidaksedaran oleh sebahagian masyarakat. Khususnya, generasi muda seolah-olah hilang minat dalam jenis tenunan ini. Seni ini biasanya dihargai oleh orang yang terlibat secara langsung dalam fesyen. Tenun Pahang Diraja merupakan salah satu warisan yang terkenal yang tergolong dalam etnik Melayu. Tenun Pahang Diraja juga terkenal kerana seni yang indah termasuklah terdiri daripada motif, subjek, warna, teknik, dan instrumen. Faktor-faktor ini telah membuat seni ini diberi perhatian sehingga ke hari ini (Mas Ayu & Fadilah, 2012).

Abdul Ghani (1997), telah menyebut bahawa pada peringkat awal, Tenun Pahang Diraja pernah menjadi sebagai hiasan badan dan iklan tatu selepas itu ia menjadi kain atau fabrik yang telah direka daripada kulit kayu, sutera dan penggunaan serat sintesis. Tenun Pahang Diraja seolah-olah hanya satu jenis tenun yang luar biasa pada suatu masa ketika dahulu. Menenun ini mengandungi nilai tinggi simbolisme dalam budaya dan kepercayaan orang

Melayu. Ia adalah simbol keunikan budaya, kepercayaan warisan tradisional dalam kehidupan masyarakat setempat.

Sejarah telah membuktikan bahawa kain tenunan ini telah diperkenalkan oleh duta Celebes, Keraing Aji, yang juga dikenali sebagai Tok Tuan. Beliau dikatakan pengasas kepada corak baru kain sarung dan kain sampin ini. Kain tenunan sutera diimport dari Sulawesi, wilayah Aceh dan Riau. Dalam kitab Hsing-Ch'a ditulis oleh Fei Hsin di 1436, wujud fakta yang mengatakan bahawa benang sutera yang berwarna-warni adalah antara barangan yang dibawa masuk ke dalam Pahang pada masa itu, kata-kata ini wujud dalam Buku Sejarah Pahang ditulis oleh Linehen (1973).

Tok Tuan (Keraing Aji) kemudian bermastautin di Kampung Mengkasar, Pekan, Pahang pada tahun 1722. Selain memperkenalkan beberapa corak, Tok Tuan juga yang berpengalaman dan mahir dalam sutera tenunan, dan dikatakan untuk meningkatkan kebolehan sutera tenunan penduduk tempatan Pahang, terutamanya kepada rakyat di daerah Pekan. Oleh itu, ramai wanita, terutama suri rumah, berminat untuk belajar bagaimana untuk membuat kain tenunan daripadanya. Di kediamannya, Tok Tuan (Keraing Aji) telah membimbing pelapis dengan beberapa kaedah untuk menyediakan alat sutera pewarna mentah, 'menghubung', 'menerau' dan 'menorak' serat sutera sehingga penciptaan fabrik berkualiti tinggi.

Para sarjana juga menyatakan Malaysia kaya dengan warisan seni tenun dan hampir setiap negeri mempunyai corak, keunikan dan kehalusan tersendiri bagi menjadi lambang kreativiti penenun. Songket tenun Pahang umpama yang dipercayai berkembang sejak 1838 mencatat sejarah. Dari setahun ke setahun ia berkembang menjadi persalinan bukan saja pada awalnya oleh kerabat diraja dan golongan bangsawan, malah kini ia semakin sinonim disarung sebagai pakaian khususnya dalam majlis rasmi, keraian dan perkahwinan.

Bagi golongan muda pastinya bukanlah satu keperluan untuk mereka menceburi bidang sebegini. Namun, atas keprihatinan untuk mengkomersilkan produk itu dan tidak mahu ditelan zaman, usaha dilakukan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan Tunku Azizah, Kompleks Pengembangan Tenun Pahang Diraja (KPTPD), Kampung Kempadang, Kuantan dan Kraftangan Malaysia telah menubuhkan Institut Kemahiran Tenun Pahang Diraja (IKTPD), Kompleks Budaya Kampung Pulau Keladi, Pekan, Pahang.

2.1 Model Kendalian dan Konsep Pemasaran 7P

Kebanyakan destinasi menekankan pemeliharaan sebagai salah satu objektif dalam polisi pembangunan pelancongan melalui pembangunan istilah kelestarian. Pendekatan yang berorientasi pemuliharaan sumber sedia ada, baik sumber semula jadi mahupun sumber budaya yang diwarisi oleh sekumpulan komuniti agar dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Malaysia merupakan sebuah negara yang dilihat dengan jelas melalui polisi berkaitan pembangunan pelancongan yang memberi fokus kepada pembangunan pelancongan lestari (Kamaruddin 2002).

Penglibatan komuniti dalam pembangunan mengikut Tosun (2000), adalah "satu tindakan sukarela seseorang individu untuk mengambil peluang dan memikul tanggungjawab kemasyarakatan". Proses ini sangat memerlukan masyarakat yang bekerjasama dengan mereka yang mampu memberi kesan kepada keadaan pembangunan mereka. Dalam konteks pembangunan, penglibatan komuniti bererti keperluan dan aspirasi komuniti yang diambil kira

dan akhirnya mereka terlibat meraih pengajaran dan pengalaman serta diperkasakan (Tosun 2000:615).

Manakala bagi Kalsom (2007) pelancongan yang berpandukan pembangunan lestari menjanjikan kesinambungan dalam industri pelancongan yang menekankan pemuliharaan, perlindungan dan pembaikpulihan sumber semula jadi dan sumber budaya untuk digunakan oleh komuniti setempat dan pelancong pada masa hadapan sebelum berlaku kepupusan atau kemusnahan terhadap sumber tersebut. Namun begitu penerimaan konsep dan prinsip kelestarian sahaja tidak mencukupi dalam mencapai objektifnya. Komiten menerusi tindakan diperlukan untuk menjadikan polisi yang digubal nampak sebagai polisi yang bertanggungjawab.

Menurut Rina Ilyana (2007), penglibatan daripada penduduk tempatan boleh dijadikan sebagai alat untuk memelihara keunikan yang ada dalam sesuatu masyarakat. Setiap masyarakat berpegang pada adat yang diwarisi secara turun temurun dari generasi terdahulu melalui proses sosialisasi. Hampir semua golongan masyarakat kaya dengan pelbagai adat yang telah diatur oleh nenek moyang mereka sejak hari pertama kelahiran sehinggalah saat kematian. Kajian Yahya (2006, 2008) melihat penglibatan penduduk tempatan sebagai guna tenaga industri pelancongan pada masa kini amat menggalakan. Penduduk yang amat berminat untuk melibatkan diri memandangkan industri ini boleh menambahkan pendapatan mereka.


Menurut Kotler dan Keller (2009), mix marketing (campuran pemasaran) adalah proses perancangan dan pelaksanaan konsep penetapan harga, promosi, perkembangan idea, barangan dan perkhidmatan dalam mencipta pertukaran yang memuaskan matlamat individu dan organisasi malah dapat membentuk pemasaran pelancongan secara berterusan. Lazimnya dalam strategi pemasaran akan melibatkan istilah 4P iaitu *Product*(produk), *Price*(Harga), *Place* (lokasi), dan *Promotion* (promosi), terdapat percampuran pemasaran yang ditambah istilah pemasaran untuk diukur secara berterusan seperti *People*(orang), *Physical Evidence* (cutumer service) dan *Process* (proses).

Product(produk), merujuk keseluruhan hasil yang dikeluarkan melalui proses yang kemudiannya memberi nilai sentimental kepada pengguna. *Price*(Harga) pula adalah penentuan harga yang dikeluarkan kepada pelanggan untuk mendapatkan satu produk. *Place* (lokasi) penempatan kawasan pengeluaran produk. *Promotion* (promosi) adalah usaha menarik minat pengguna untuk mendapatkan produk yang dikeluarkan melalui iklan, jualan langsung, aktiviti komunikasi dan publisiti.

People(orang/ sumber manusia) adalah semua petugas yang memainkan peranan penting dalam mengusahakan perusahaan dan perniagaan bagi menghasilkan produk yang hendak dihasilkan. *Physical evidence* (kewujudan fizikal) pula merupakan perkara tampak yang terhasil daripada perkhidmatan yang ditawarkan. *Process* (proses), lebih kepada gabungan aktiviti umum yang terdiri daripada prosedur, jadual pekerjaan, mekanisma aktiviti dan pengurusan. Kesemua elemen tersebut membawa kepada sumbangan yang hendak disampaikan kepada pengguna, pembeli mahupun pelancong.

Berdasarkan hasil soroton kajian di atas, terdapat beberapa elemen penting dalam memulihara dan membangunkan pelancongan warisan yang lestari demi kepentingan generasi akan datang. Pembentukan kerangka dibentuk dalam Rajah 1 akan membantu pengkaji untuk mengenalpasti pola keterlibatan komuniti dan faktor-faktor yang menentukan kelestarian warisan Tenunan Pahang DiRaja. Keperkasaaan dalam pengurusan operasi perusahaan dapat membawa kepada faedah ekonomi, budaya, dan sosial melalui penglibatan pengusaha dan pekerja. Strategi

yang teratur melalui elemen Mix Marketing 7P juga dapat dikesan dalam menentukan kelestarian warisan tenunan Pahang Diraja.



Sumber : Kalsom Kayat dan Nor Ashikin (2006), Kotler dan Keller (2009)
: Diubahsuai oleh Habibah Ahmad (2017)

3. Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan campuran teknik pengumpulan data. Pertama ia melibatkan pengedaran borang soal selidik ke atas pengusaha dan pekerja. Kedua, melibatkan kaedah temubual dengan key responden terutama dalam kalangan pengusaha. Selain perolehan data sumber primer, pengkaji juga menggunakan rujukan daripada sumber sekunder berkaitan dengan pembangunan pelancongan. Dalam kajian ini, . kaedah persampelan berbola salji yang mempunyai ciri-ciri yang telah ditetapkan digunakan. Seramai sembilan orang pengusaha dan 60 orang pekerja telah ditemubual ketika kajian lapangan dilakukan pada bulan Febuari dan Mac 2017. Lokasi kajian adalah di Pusat Tenun Pahang DiRaja Felda (PTPDF) Chini, Kampung Budaya Pekan, Pramu Jaya, Pekan dan Kompleks Tenun Pahang DiRaja (KTPPD) Sungai.Soi Kuantan. Lokasi kajian yang dipilih merujuk kepada kawasan Pekan, namun begitu Kompleks Tenun Pahang Diraja Sg.Soi adalah tumpuan utama di daerah Kuantan.

4. Dapatan kajian


Latar belakang responden

Dari segi agihan gender, sebanyak 33.3 peratus (tiga orang pengusaha lelaki) yang terlibat dalam pembangunan tenunan, salah seorangnya di Pusat Tenun Pahang DiRaja Felda (PTPDF). Seorang pengusaha lelaki di Institutsi Kemahiran Tenun Pahang DiRaja (IKTPD) dan seorang pengusaha lelaki di Kampung Budaya Pulau Keladi. Manakala, 66.7 peratus (enam orang pengusaha perempuan) adalah di sekitar Kampung Budaya Pulau Keladi, Pramu Jaya Pekan dan Kompleks Pengembangan Tenun Pahang DiRaja (KTPPD).

Berdasarkan jadual 1, peringkat umur paling rendah sebanyak 11.1 peratus (seorang pengusaha) berumur antara 65 tahun dan ke atas. Manakala, peringkat umur paling tinggi adalah 55.5 peratus (lima orang pengusaha) berumur antara 25 hingga 44 tahun. Sementara itu, daripada status perkahwinan pula 22.2 peratus adalah bujang (dua orang pengusaha) dan 77.8 peratus (tujuh orang pengusaha) telah berkahwin. 100 peratus, (Sembilan orang pengusaha) adalah warganegara Malaysia, berbangsa Melayu dan beragama Islam.



**Pusat Tenun Pahang
DiRaja Felda Chini**



**Kompleks Pengembangan Tenun
Pahang Diraja Sultan Haji Ahmad
Shah, Kampung Soi Kuantan.**




Kg. Budaya Pulau Keladi

RAJAH 1. Lokasi Kajian

JADUAL 1. Demografi Responden

Aspek	Jawapan	Bil	Peratus	
Lokasi Kajian	Pramu Jaya Pekan	1	11.1	
	Institutsi Kemahiran Tenun Pahang DiRaja	1	11.1	
	Kg. Budaya Pulau Keladi	5	55.6	
	Kompleks Pengembangan Tenun Pahang DiRaja Sg. Soi	1	11.1	
	Pusat Tenun Pahang diRaja Felde	1	11.1	
	Jumlah	9	100.0	
	Jantina	Lelaki	3	33.3
		Perempuan	6	66.7
Umur	25-44 Tahun	5	44.4	
	45-64 Tahun	3	33.4	
	65 Tahun dan ke atas	1	11.1	
Status Perkhawinan	Bujang	2	22.2	
	Berkahwin	7	77.8	
Kewarganegaraan	Malaysia	9	100	
Bangsa	Melayu	9	100	
Agama	Islam	9	100	

Berdasarkan rajah 2, tahap pendidikan pengusaha terbahagi kepada lima. Antaranya Ujian penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysian (SPM), diploma dan Sarjana atau Sarjana Muda. Majoriti pengusaha berpendidikan Sarjana Muda 34 peratus bersamaan (tiga orang pengusaha). Diikuti dengan 22.2 peratus (dua orang pengusaha) bagi tahap pendidikan Diploma dan UPSR. 11.1 peratus (seorang pengusaha) bagi tahap pendidikan Diploma dan SPM. Rata-rata pengusaha memiliki latar belakang pendidikan yang baik.



RAJAH 2 Tahap Pendidikan Responden
 Sumber: Kajian Lapangan 2017

JADUAL 2. Status Organisas dan Modal Perniagaan

Aspek	Jawapan	Bil	Peratus
Apakah status organisasi perniagaan anda?	Perseorangan	5	55.6
	Perkongsian	1	11.1
	Lain-lain	3	33.3
Berapakah modal ketika memulakan perniagaan ini?	RM100,000	1	11.1
	RM12,000	1	11.1
	RM5,000	1	11.1
	RM2000 peralatan dan kek tenun dapat dari keluarga	1	11.1
	RM50,000	3	33.3
	RM500	2	22.2
	Total	9	100.0

Sumber: Kajian Lapangan 2017

Secara majoritinya 55.6 peratus (lima orang pengusaha), yang melakukan perusahaan secara perseorangan, khususnya mereka yang berada di sekitar Kampung Budaya Pulau Keladi. Hal ini kerana, berdasarkan hasil temu bual pengusaha sudah memiliki kemahiran yang telah lama diwarisi dan tidak memerlukan guna tenaga yang ramai. Organisasi yang melakukan secara perkongsian, 11.1 peratus iaitu Pusat Tenun Pahang DiRaja Felda (PTPDF). Lain-lain merujuk kepada projek pembangunan di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bagi Kompleks Pengembangan Tenun Pahang DiRaja (KPTPD).

Modal permulaan bagi pengusaha yang tertinggi kekerapannya adalah 33.3 peratus seramai (tiga orang pengusaha) dengan modal RM50,000 dan 22.2 peratus (dua orang pengusaha) yang memulakan modal dengan RM500, yakni Puan Sabora dan Pn.Nortipah (Makteh) di Pulau Keladi. Modal operasi perusahaan ketika tahun 1990-an rendah kerana kos bahan mentah pada waktu tersebut adalah murah. Modal permulaan perusahaan bagi Pusat Tenun Pahang DiRaja Felda (PTPDF) adalah RM12 Juta, termasuklah bangunan Perusahaan Kerepek dan Pusat Futsall di sekitar tapak tenunan. Modal pembukaan IKTPD adalah RM5000. Manakala, segala modal perusahaan Che Minah Sayang telah diuruskan oleh unit pembangunan di Kuantan sekitar RM100,000 bagi mengubahsuai bengkel dan pejabat pentadbiran di Pulau Keladi. Menurut hasil temu bual pengusaha Perusahaan Ayunan Emas di Pulau Keladi, beliau memulakan operasi perusahaan dengan modal RM2000 turut dibantu oleh keluarga melalui pemberian peralatan dan kek tenunan yang diwarisi.

Faktor Kelestarian Tenun Pahang DiRaja

Terdapat beberapa faktor yang menentukan kelestarian pembangunan warisan Tenunan Pahang DiRaja. Faktor ini diukur dengan 7P, yang dimulai dengan faktor Produk (Product), Harga (Price), Lokasi (Place), Promosi (Promotion), Aktiviti Khidmat Pelanggan (Physical Evidence of Customer Service), Proses (Process), Sumber Manusia (People). Kesenambungan antara faktor-

faktor ini bakal menentukan dan membantu pengusaha untuk meningkatkan produktiviti perkhidmatan produk pelancongan yang ditawarkan.

Purata Keseluruhan Faktor Kelestarian Tenun Pahang DiRaja.

Jadual 3 tertinggi adalah faktor produk (4.76). Hal ini menguatkan lagi bahawa kesemua pengusaha berusaha sedaya upaya dalam menjaga kualiti produk warisan tenunan ini yang memberi kepentingan ekonomi, budaya dan sosial. Kedudukan yang kedua adalah faktor aktiviti khidmat pelanggan (4.73), didapati bahawa kesemua pengusaha memiliki strategi dalam menarik perhatian pelanggan dengan menceritakan tentang sejarah awal warisan tenunan Pahang DiRaja. Manakala, kedudukan terakhir adalah faktor proses. Setiap pengusaha mempunyai proses tenunan yang berbeza, antara proses yang ketara adalah penggunaan secara manual dan mesin. Makanya wujudnya jurang antara proses yang diusahakan antara pengusaha. Pn.Nortipah di Pulau Keladi yang merupakan pewaris kepada Keraing Aji (pengasas tenun di Pahang), menggunakan proses tenunan secara tradisional sepenuhnya bagi mengekalkan kualiti warisan tenunan. Manakala, IKTPD menggunakan teknologi mesin bagi menambah kuantiti kain tenunan dan masih lagi menetapkan 50% elemen tradisional motif atau corak tenunan asal Pahang DiRaja.

JADUAL 3. Purata Faktor kelestarian Tenun

Bil.	Faktor-faktor	Purata	Kedudukan Keutamaan
1.	Produk	4.76	1
2.	Promosi	4.51	4
3.	Sumber Manusia	4.51	4
4.	Harga	4.64	3
5.	Aktiviti Khidmat Pelanggan	4.73	2
6.	Lokasi	4.64	3
7.	Proses	4.11	5

Sumber : Kajian Lapangan 2017

Faktor Produk

Jadual 4 merujuk kepada faktor produk terhadap kelestarian tenunan yang terbahagi kepada lima soalan. Faktor produk yang tertinggi minnya adalah 4.89 di mana pengusaha menawarkan kualiti kain yang terbaik dan menjadi pilihan ramai. Min terendah memiliki dua pernyataan dengan nilai min 4.67 iaitu pengusaha berusaha untuk menyediakan pelbagai pilihan tenunan dan menawarkan penghasilan kain tenunan yang sesuai dipakai dalam pelbagai sesi mahupun majlis rasmi. Oleh kerana terdapat persaingan dengan pilihan fabrik di pasaran, min yang tertinggi menjelaskan bahawa kebanyakan pengusaha menawarkan kualiti kain yang terbaik dan menjadi pilihan ramai, khususnya kerabat diraja.

JADUAL 4. Faktor Produk

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Kedudukan keutamaan
Saya berusaha untuk menyediakan pelbagai pilihan tenunan	4.67	.500	3
Saya menawarkan pakej yang baik dan kompetitif	4.78	.441	2
Saya menghasilkan 100% -50% elemen tradisi dalam tenunan	4.78	.441	2
Saya menawarkan kualiti kain yang terbaik dan menjadi pilihan ramai	4.89	.333	1
Saya menawarkan penghasilan kain tenunan yang sesuai dipakai dalam pelbagai sesi mahaupun majlis rasmi	4.67	.500	3
Purata	4.76		

Sumber : Kajian Lapangan 2017

JADUAL 5. Jenis Kain Yang Dihasilkan

Pernyataan		Bilangan	Peratus (%)
(Kain Limar)	Tidak	2	22.2
	Ya	7	77.8
(Kain Selendang)	Tidak	7	77.8
	Ya	2	22.2
(Kain Sarung)	Tidak	3	33.3
	Ya	6	66.7
(Kain Bujang atau Samping)	Ya	9	100.0
	Tidak	3	33.3
(Kain Destar/ Tanjak/ Tengkolok)	Tidak	3	33.3
	Ya	6	66.7

Sumber : Kajian Lapangan 2017

Berdasarkan hasil temu bual, didapati bahawa kebanyakan pengusaha bersetuju bahawa jenis kain yang dihasilkan paling banyak adalah kain bujang atau samping. Ini diikuti oleh kain limar dan juga kain selendang. Keperluan kain destar, tanjak, tengkolok dan kain sarung rata-ratanya 77.8 peratus (lima orang pengusaha) .

Faktor Physical Evidence Customer service (aktiviti khidmat pelanggan)

Faktor yang kedua tertinggi adalah faktor aktiviti khidmat pelanggan. Selaku pengusaha yang baik, pelbagai pendekatan yang diusahakan bagi menarik minat pembeli mahupun pelanggan

untuk memilih tenunan Pahang Diraja sebagai fabriks pilihan utama serta boleh dipakai dalam pelbagai majlis.

JADUAL 6. Faktor Aktiviti Khidmat Pelanggan

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai
Saya menawarkan perkhidmatan mesra pengguna	4.78	.441
Saya mendahulukan permintaan pembeli terhadap rekaan tenunan	4.78	.441
Saya menceritakan pengamatan warisan budaya dan tenunan kepada setiap pelancong	4.78	.441
Saya sentiasa menambah baik khidmat pengurusan perkhidmatan kepada pelancong	4.78	.441
Saya berusaha menguasai pelbagai Bahasa untuk menarik minat pelancong	4.56	.527
Purata	4.73	

Sumber: Kajian Lapangan 2017


Hal ini untuk mengekalkan prestasi jualan tenunan terus meningkat. Rata-rata pernyataan memiliki min yang tertinggi dengan 4.78, kecuali pengusaha kurang berusaha menguasai pelbagai bahasa untuk menarik minat pelancong dengan min 4.56. Kebanyakan pengusaha tidaklah menguasai pelbagai bahasa kerana kebanyakan pelancong yang datang memahami bahasa melayu dan bahasa Inggeris. Semasa temu bual dilakukan dengan pengusaha daripada IKTPD, beliau menyatakan mengetahui bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin, malah beliau juga cuba untuk mempelajari bahasa-bahasa lain.



Pengusaha dan ruang pameran



Pelbagai Rekaan Tenunan seperti Table Runner, dan rekaan Kraftangan



RAJAH 3. Pelbagai keluaran tenunan dan ruang pameran

Faktor Proses

Daripada kajian, faktor yang memiliki purata terendah bagi perspektif pengusaha adalah faktor proses (Jadual 7). Pelbagai peringkat perlu diberi penekanan dalam mengusaha dan membangunkan tenunan Pahang DiRaja. Para pengusaha menyatakan mereka memerlukan jangka masa yang ideal dalam menghasilkan tenunan ini, dan ini ditunjukkan dengan min yang tertinggi adalah 4.89 bagi pernyataan pengusaha mengambil masa yang ideal, mengikut tetapan corak rekaan tempahan untuk menghasilkan tenunan. Min terendah pula adalah 3.11 dengan pernyataan pengusaha menggunakan teknik separa tradisional. Hal ini kerana terdapat juga pusat dan kompleks yang menggunakan mesin sebagai alat ganti manual. Hanya sebahagian pengusaha lama atau “legend” yang menggunakan sepenuhnya teknik manual tradisional. Seperti Pn. Nortipah, Pn. Sapora, Pn. Aziah, Pengusaha Ayunan Emas di Pulau Keladi dan Pramu Jaya.

JADUAL 7. Faktor Proses

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	
Saya menggunakan tenaga kerja yang ramai	3.44	1.6	4
Saya menggunakan teknik tradisional 100%	4.67	1.0	2
Saya menggunakan teknik separa tradisional	3.11	1.6	5
Saya mengambil masa yang ideal mengikut tetapan rekaan tempahan menghasilkan tenunan	4.89	.333	1
Saya memasukkan unsur Research and Development R&D ke dalam rekaan tenunan	4.44	1.014	3
Purata	4.11		

Sumber : Kajian Lapangan 2017

Purata Faedah Peningkatan Ekonomi, Sosial, dan Budaya

Jadual 8 menjelaskan purata keseluruhan terhadap tiga faedah. Ternyata bahawa kecenderungan faedah ekonomi dan sosial memiliki nilai purata yang pada kadar yang sama. Jelas menunjukkan bahawa tenunan amat memberi impak kepada peningkatan ekonomi selari dengan peningkatan sosial. Faedah ekonomi memberi kesan yang tinggi apabila mereka telah terlibat dalam pembangunan tenunan ini. Faedah sosial memainkan peranan dalam memupuk semangat pengusaha dalam memelihara tenunan ini dan membina jaringan yang luas untuk mendapat sambutan samaada dengan pihak pembekal mahupun pelanggan. Bukan sahaja peningkatan pendapatan kepada penduduk malah negeri juga Negara. Namun begitu, purata faedah budaya lebih mendominasi dalam pembangunan tenunan ini. Mengikut pandangan pengusaha, mereka pasti akan melakukan usaha yang terbaik dalam memperkenalkan aset dan budaya yang diwarisi yakni tenunan Pahang DiRaja. Makanya, dengan pemuliharaan warisan tenunan dapat meningkatkan penambahbaikan budaya dalam negeri.

JADUAL 8. Purata Keseluruhan Faedah

Bil	Faedah	Purata	Kedudukan Keutamaan
1.	Ekonomi	4.67	2
2	Sosial	4.67	2
3.	Budaya	4.69	1

Sumber : Kajian Lapangan 2017

Persepsi pengusaha terhadap usaha mengekalkan warisan tenunan

Para pengusaha juga ditanya tentang usaha mengekalkan warisan tenunan agar ia lebih dikenali dan mampan dalam jangka masa panjang (Jadual 9). Terdapat dua orang pengusaha bersetuju bahawa memupuk minat anak muda, sentiasa berkongsi ilmu tenunan kepada generasi adalah sangat penting (iaitu Pn. Nortipah dan Pn. Sabora. Pengusaha Ayunan Emas menyatakan usaha mengasuh budaya menghargai dan bangga dengan warisan bangsa yang ada daripada kecil.

JADUAL 9. Usaha Mengekalkan Warisan agar lebih dikenali

	Pernyataan	Bilangan	Peratus(%)
Bagaimanakah usaha dalam mengekalkan kelestarian warisan tenunan agar lebih dikenali kepada pelancong tempatan atau pelancong antarabangsa?	Asuh budaya menghargai dan bangga dengan warisan bangsa yang ade daripada kecil	1	11.1
	Berkongsi dengan anak ilmu tenunan dan anak mengajar di IKTPD, Pulau Keladi	1	11.1
	Kerjasama pelbagai pihak bagi memastikan kelestarian warisan dapat dikekalkan	1	11.1
	Kerjasama pelbagai pihak diperlukan untuk melestarikan warisan tenunan	1	11.1
	Kerjasama semua pihak diperlukan bagi mengekalkan kelestarian warisan tenunan	1	11.1
	Memberi peluang kepada pelancong menjivai teknik menenun dengan melakukan demonstrasi	1	11.1
	Memupuk minat anak muda, sentiasa berkongsi ilmu tenunan kepada generasi	2	22.2
	Mengadakan lawatan ke pusat tenun	1	11.1
	Jumlah	9	100.0

Sumber : Kajian Lapangan 2017

Sementara itu Pn. Aziah pula menurunkan ilmu tenunannya kepada anak beliau dan kini menjadi tenaga pengajar di IKTPD, Pulau Keladi. Pengusaha Che Minah Sayang mengharapkan usaha melalui kerjasama daripada pelbagai pihak diperlukan untuk melestarikan warisan tenunan. Disokong dengana pengusaha Akma Kerjasama daripada semua pihak diperlukan bagi mengekalkan kelestarian warisan tenunan. PTPDF menyatakan bahawa usaha lain adalah dengan mengadakan lawatan ke pusat-pusat tenun.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kesemua pengusaha melakukan pelbagai kaedah dalam memulihara dan memelihara kelestarian warisan tenunan Pahang DiRaja, demi kepentingan budaya, ekonomi, sosial dan generasi akan datang. Faktor seperti 7P, (*Product, Process, Place, People, Price, Physical Evidence dan Promotion*) yang dapat menjelaskan kelestarian tenunan Pahang ini perlu dibangunkan khususnya oleh generasi masa kini, kerana pengusaha yang berusia tidak mampu menghasilkan fabrik tenunan dengan banyaknya sebagaimana peningkatan permintaan di

pasaran walaupun dengan adanya bantuan mesin dan teknologi namun kualiti dan keaslian tenunan Pahang DiRaja masih lagi perlu diwarisi dan dipulihara.

Rujukan

- Abd Rashid Ismail. (2014). Alam Sebagai Motif Fabriks Melayu Tradisi. Penerbit UiTM Shah Alam.
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah Penyelidikan (Buku 1). Penerbitan McGraw Hill Education (Asia).
- Garrison Keilor. (1995). White House Conference on Travel and Tourism, October 31st.
- Haliza Abdul Rahman. (2010). Penglibatan Masyarakat Peribumi Dalam Isu Berkaitan Persekitaran: Tinjauan Terhadap Suku MahMeri di Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor. *KEMANUSIAAN* **17**, 111–134.
- Habibah Ahmad. (2014). Tahap penglibatan penduduk dalam pembangunan pelancongan Putrajaya. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* **10** issue **8** (114 – 123).
- Johnson, N.C. (1996). Where geography and history meet: Heritage tourism and the Big House in Ireland. *Annals of the Association of American Geographers* 86(3): 551-566.
- Kalsom Kayat, Nor Ashikin, Mohamad Amin. 2008. Penglibatan Komuniti dalam Pelancongan Lestari In: Yahya Ibrahim, Sulung Mohamad, Habibah Ahmad (eds) *Pelancongan Malaysia: Isu Pembangunan, Budaya, Komuniti dan Persempatan*. Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Kotler dan Keller. (2009). Manajemen Pemasaran. Jilid I. Edisi ke 13 Jakarta : Erlangg.
- Mohd Samsudin dan Sulong Mohammad. 2013. Pengaruh Warisan Sejarah dalam Industri Pelancongan Langkawi. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman) M1(o1h)d, 2 S0a1m3:s u9d9i n- 1&0 9Sulong Mohamad*
- MacCannell, D. (1976). *The Tourist. A New Theory of the Leisure Class*. New York : Schocken Books.
- National Association of Tribal Historic Preservation Officers, USA*. 2011.
- Noor Azlina Jaafar. (2013). Tenun Nenda, kain warisan. Utusan Malaysia, febuari 20.
- Nik Sukry Ramli. (2012). Seni songket Tenun Pahang. Berita Harian, November 21
- Nurul Azhani. (2008). Kajian persepsi komuniti terpilih terhadap pelancongan sukan : Monsoon Cup, Pulau Duyung (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.
- Prentice, R.C. (1993). *Tourism and Heritage Attraction*, London : Routledge.
- Rina Ilyana Zainal. 2007. Meninjau Penglibatan Penduduk Tempatan dalam Aktiviti Pelancongan. Kajian Kes: Kampung Serkat, Pontian, Johor. (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.
- Tamara R. and Laszlo P. (1998) Folklore Art as Cultural Attraction in Hungarian Tourism, ATLAS internatonl Conference, Crete 22-24, Oct. 1998.
- Yahaya Ibrahim. (2008). Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ZatulIffah Mohd Fuza. (2008). Motivasi Sukarelawan Pelancong: Sukarelawan Raleigh International (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.